

TAJUK 3: SOALAN TUTORIAL

Berdasarkan senario waktu rehat di sekolah anda, tuliskan dan buat catatan dalam bentuk grafik berasaskan pemerhatian yang berikut:

- *Bunyi yang anda dengar :*

Sebelum loceng rehat dibunyikan, suasana di dalam kelas dan kantin senyap dan keadaannya tenang. Selepas sahaja loceng rehat berbunyi, keadaan di kelas beransur bising setelah guru keluar daripada kelas. Keadaan di persekitaran mula hangar-bingar dan bising terutamanya di kantin. Suara murid-murid bercakap, menjerit, bising ketika membeli makanan dan bergurau sesama rakan memenuhi ruang kantin seolah-olah berada di pasar.

- *Pergerakan manusia :*





Pelbagai pergerakan murid dapat diperhatikan ketika mereka berada di kantin. Terdapat murid yang beratur panjang tetapi tersusun ketika membeli makanan, sebahagiannya pula sedang duduk makan di meja yang disediakan dan terdapat juga murid yang bermain-main di persekitaran kantin.

- *Susunan peralatan :*

Pelbagai peralatan dapat dilihat di kantin. Peralatan-peralatan seperti pinggan mangkuk, gelas, bekas-bekas kuih dan makanan serta peralatan memasak dapat dilihat dengan jelas di beberapa ruang kantin. Kedudukan bangku dan kerusi kelihatan berterabur berbanding dengan kedudukan meja makan.

- *Warna-warna pada makanan, pakaian, dan peralatan :*

Kombinasi warna pada makanan yang pelbagai, pakaian murid dan peralatan-peralatan di kantin menimbulkan suasana ceria dan aktif.

Senario waktu rehat di sekolah	Catatan grafik berdasarkan pemerhatian
❖ Bunyi yang anda dengar	
❖ Pergerakan manusia	
❖ Susunan peralatan	
❖ Warna-warna pada pakaian, makanan dan peralatan	

Reka satu aktiviti yang berkaitan dengan ruang, warna dan irama yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah.

Sebelum memulakan aktiviti ini, guru telah menyediakan bahan-bahan Bantu mengajar. Guru melukis gambar beberapa jenis bunga pada kertas manila. bunga matahari diwarnakan dengan warna kuning, bunga raya diwarnakan merah, bunga kembang pagi (*morning glory*) diwarnakan ungu dan bunga mawar diwarnakan merah jambu. Guru boleh meminta murid-murid untuk mewarnakan bunga-bunga tersebut mengikut warna yang ditetapkan. Setelah bahan-bahan tersebut telah disiapkan, guru bolehlah memulakan aktiviti yang dirancangkan.

Semua murid dikehendaki terlibat dalam aktiviti yang akan dijalankan. Guru membahagikan murid kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama yang terdiri daripada 8-10 orang murid dikehendaki berdiri dengan membuat bulatan sambil tangan masing-masing memegang tangan satu sama lain. Manakala kumpulan kedua seramai lebih kurang 20 orang murid dikehendaki berdiri di belakang kumpulan yang pertama. Kumpulan kedua berdiri dengan memegang replika bunga yang telah diwarnakan. Setiap lima orang murid akan memegang satu jenis bunga yang sama.

Untuk lebih menarik minat murid, guru boleh menggunakan muzik yang sesuai di dalam aktiviti ini. Guru akan menyanyi ataupun menggunakan rakaman nyanyian beserta dengan aksi-aksi yang akan dilakukan oleh semua murid dalam kumpulan masing-

masing. Guru boleh mereka lagu yang bersesuaian dengan tema yang akan disampaikan. Contoh lagu:

**Bunga-bunga matahari berkembang pagi,*

**Berwarna kuning cantik berseri.*

Tiba masanya kuncuplah ia,

Esok pagi berkembang lagi.

* senikata perlu ditukar mengikut jenis bunga dan warna bunga tersebut.

Apabila guru menyebut *bunga-bunga matahari berkembang pagi*, murid dalam kumpulan pertama akan membuat aksi seperti bunga yang sedang berkembang. Dalam kedudukan yang rapat dan tangan yang berpegangan (kedudukan membongkok), mereka perlahan-lahan akan membuka langkah ke belakang, bangun perlahan-lahan sambil tangan mereka yang berada dalam keadaan lurus kedepan akan dibuka perlahan-lahan ke atas sehingga membentuk aksi bunga yang kuncup bertukar menjadi kembang dan besar. Bagi aksi bunga yang sedang kuncup pula, murid akan menukar aksi daripada kedudukan bulatan murid yang besar, bertukar menjadi bulatan yang kecil seperti mana keadaan mereka bermula.

Bagi kumpulan kedua, apabila guru menyanyi *bunga-bunga matahari berkembang pagi*, murid yang memegang replika bunga matahari akan mengangkatnya sambil menggoyang-goyangkan replika tersebut ke kiri dan ke kanan dalam keadaan berdiri tegak. Manakala bagi aksi bunga menguncup pula, murid akan membuat aksi yang sama tetapi dalam keadaan merendahkan sedikit badan mereka. Kumpulan pertama

dan kedua hendaklah melakukan aksi masing-masing secara serentak dengan mengikut irama muzik dan nyanyian guru ataupun rakaman nyanyian.

Bagi aktiviti yang seterusnya guru membimbing murid untuk menyanyikan sendiri lagu tersebut dan menukar senikata lagu dengan menggunakan kesemua jenis bunga. Murid yang memegang replika bunga raya, bunga kembang pagi dan bunga mawar akan melakukan aksi masing-masing mengikut senikata lagu yang telah ditukar tadi.

Aktiviti ini akan melatih murid untuk lebih peka terhadap fungsi watak masing-masing. Aktiviti ini juga lebih menyeronokkan kerana aktiviti-aktiviti yang diulang dengan iringan muzik dan nyanyian akan membuatkan murid-murid belajar melakukan aktiviti pergerakan dengan mempertingkatkan tahap tumpuan, penglibatan diri secara bersemangat dan seterusnya mempertingkatkan potensi dan keseronokan mereka. Warna yang diwakili oleh watak bunga-bunga tersebut akan membantu murid untuk mengaitkan warna dengan objek, muzik dan pergerakan yang dilakukan. Melalui aktiviti ini juga, murid dapat meneroka ruang sekeliling kelas dan meneliti perbezaan penggunaan ruang melalui aksi-aksi murid yang membuat pergerakan bunga-bunga yang sedang berkembang dan menguncup.